

06/08/2001

Meritokrasi bukan penghalang Melayu

Norizan Bin Sharif

KENYATAAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan beberapa kenyataan lanjutan oleh pemimpin kerajaan, politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengenai kemasukan pelajar Melayu ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) berdasarkan meritokrasi adalah dirujuk.

Kenyataan mengenai isu meritokrasi yang asalnya dibuat oleh Perdana Menteri dengan niat baik untuk meningkatkan kecemerlangan pelajar Melayu di IPTA, kini bertukar menjadi modal politik golongan tertentu.

Tanpa menunggu dan mahu memahami apakah yang dimaksudkan sebagai meritokrasi dalam konteks kenyataan Perdana Menteri, pihak ini secara tergopoh-gapah mendakwa kerajaan ingin menghapuskan hak keistimewaan orang Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

MBM bimbang beberapa kenyataan pihak ini juga seolah-olah menggambarkan pelajar Melayu yang memasuki IPTA sekarang sebagai tidak layak, tidak berhak dan mengambil tempat pelajar bangsa lain untuk melanjutkan pengajian.

MBM berpendapat pandangan sedemikian adalah tidak sihat dan memperlekehkan pelajar Melayu yang sekarang berada di IPTA.

MBM yakin bahawa semua pelajar Melayu yang kini berada di IPTA telah memenuhi kelayakan minimum yang ditetapkan.

Dengan kata lain, soal pelajar Melayu tidak layak memasuki IPTA tidak timbul kerana mereka memasuki IPTA setelah dapat memenuhi kelayakan yang ditetapkan - sama seperti pelajar bangsa lain.

MBM juga meminta semua pihak melihat isu meritokrasi dalam konteks yang lebih luas yang mana terdapat pelajar Melayu yang layak melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) tetapi tidak dapat berbuat demikian semata-mata kerana mereka tidak mempunyai kemampuan kewangan.

MBM tahu ada pelajar bukan Melayu yang mempunyai kelayakan yang rendah berbanding pelajar Melayu tetapi dapat melanjutkan pengajian di IPTS disebabkan keluarganya dapat membayar yuran pengajian yang tinggi.

Untuk lebih menjelaskan isu meritokrasi ini, MBM meminta Kementerian Pendidikan mengeluarkan statistik penuh bilangan pelajar di semua IPTS di negara ini berdasarkan bangsa supaya masalah kemasukan pelajar Melayu ke IPTS difahami dan dilihat dari perspektif yang betul.

MBM bimbang kerana sementara bilangan Bumiputera adalah sekitar 60 peratus daripada penduduk negara, namun bilangan pelajar Melayu di IPTS tidak mencerminkan peratusan ini.

Akhirnya, MBM ingin menegaskan bahawa kita ingin melihat kuota kemasukan pelajar ke IPTA dikekalkan. MBM tidak nampak sebarang sebab mengapa sistem kuota yang selama ini menyumbang kepada kestabilan politik di negara ini perlu dihapuskan.

Malah, lebih daripada itu, MBM meminta kerajaan untuk memanjangkan sistem kuota ini bagi bukan saja kemasukan ke IPTA tetapi juga IPTS.

Ini penting bagi membolehkan lebih ramai pelajar Melayu memasuki IPTS dan seterusnya menyumbang kepada integrasi nasional yang kelihatan semakin rapuh hari ini.

Pelajar Melayu yang layak dari segi kemampuan akademik hendaklah diberikan peluang melanjutkan pelajaran ke IPTS.

Menafikan peluang ini semata-mata atas alasan kewangan bererti kita menafikan "merit" mereka untuk melanjutkan pengajian, sekali gus bertentangan dengan konsep meritokrasi.

